

PERADUAN ISI DAN MENANG, REZEKI PENUH TANGKI

Terma & Syarat

Penganjur & Kelayakan

1. **“Peraduan Isi dan Menang, “REZEKI PENUH TANGKI” (“Peraduan”)** dianjurkan oleh Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (“BHPetrol”) (**No. Syarikat: 196401000488**) (**“Penganjur”**)
2. Peraduan ini terbuka kepada individu yang memenuhi kriteria berikut:
 - (a) Peraduan ini terbuka kepada pelanggan yang berbelanja di BHPetrol
 - (b) Penduduk tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah sepanjang tempoh peraduan; dan
 - (c) Berumur 18 tahun ke atas
3. **Individu yang disenaraikan di bawah tidak layak untuk memenangi Hadiah:**
 - Kakitangan Penganjur (termasuk sekutunya, anak syarikat atau syarikat berkaitan, dan kakitangan stesen minyak BHPetrol) serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk pasangan).

Tempoh peraduan & Kriteria Kelayakan

1. Peraduan ini akan bermula pada pukul 12 tengah malam pada **1 Ogos 2026 hingga 30 September 2026 pada jam 11:59 malam** (Waktu Malaysia) (**“Tempoh Peraduan”**). Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
2. Pembelian minimum sebanyak RM20.00 dan ke atas di mana-mana stesen BHPetrol dalam satu atau gabungan resit/transaksi dalam Tempoh yang ditetapkan akan layak untuk 1 (SATU) penyertaan (**“Bukti Pembelian”**).
3. Peserta dibenarkan menggunakan gabungan resit pembelian untuk memenuhi jumlah perbelanjaan minimum yang ditetapkan.
4. Peserta peraduan, iaitu pelanggan BHPetrol, hanya perlu mengimbas kod QR di paparan iklan menggunakan telefon atau membuka laman web rasmi BHPetrol dan masukkan butiran yang diperlukan untuk mengesahkan penyertaan Peraduan.
5. Peserta peraduan terbuka untuk pembelian peribadi untuk bahan api dan/atau barangan kedai dengan bayaran menggunakan cara bayaran tersedia di stesen (tidak termasuk bayaran menggunakan kad X-Fleet / Cash Card milik syarikat)
6. Pihak penganjur berhak untuk mengubah dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan serta membatalkan peraduan ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

Cara Penyertaan

1. Untuk menyertai peraduan, pelanggan perlu **membelanjakan RM20.00 untuk Petrol atau Diesel atau barangan kedai dalam satu transaksi atau gabungan resit/transaksi**, tidak termasuk pembelian melibatkan tembakau, TnG, ePay, pembayaran utiliti, dan perkhidmatan cuci kereta.
2. Berikut adalah kaedah untuk menyertai peraduan:
 - a. *Pembayaran di kaunter* – di dalam kedai BHPetrol / BHPetromart:
Pelanggan perlu membuat pembayaran di mana-mana stesen BHPetrol dan mengimbas Kod QR yang disediakan di paparan iklan di kaunter untuk mengisi butiran serta lampirkan resit pembelian bagi mengesahkan penyertaan Peraduan.
 - b. *Outdoor-Payment-Terminal (OPT)* – di pam
Pelanggan boleh membuat pembayaran dan menyelesaikan proses pengisian. Selepas itu, pelanggan boleh mengimbas kod QR yang disediakan di paparan iklan di dalam kedai, atau melayari laman web rasmi BHPetrol dan masukkan butiran yang diperlukan serta lampirkan resit pembelian untuk mengesahkan penyertaan Peraduan.
3. Peserta telah bersetuju dengan maklumat berkaitan notis privasi, dan maklumat pemasaran seperti yang dilampirkan di laman web rasmi BHPetrol.

Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut:

1. **Pemilihan pemenang:** Pada akhir tempoh peraduan, peserta yang layak akan disenarai pendek oleh sistem pemilihan berkomputer automatik berdasarkan bilangan penyertaan sah yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan berlangsung.
2. Pemenang hanya layak memenangi SATU (1) Hadiah untuk peraduan ini.
3. Setelah tamat Tempoh Peraduan, sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tiga (3) hari berturut-turut (waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat), penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang dan akan memilih Peserta yang layak seterusnya sebagai pemenang mengikut budi bicara penganjur .

Hadiah & Penebusan

HADIAH UTAMA

Kad Petrol bernilai RM10,000 untuk Tempoh Dua Tahun* x 10 Pemenang

** Kad Minyak akan diberikan dengan nilai sekali sahaja sebanyak RM10,000 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu) dan sah digunakan untuk transaksi sepanjang tempoh yang ditetapkan, atau sehingga keseluruhan nilai tersebut telah digunakan, mengikut mana-mana yang terdahulu. Tiada nilai tambahan akan dikreditkan ke dalam Kad Minyak setelah nilai tersimpan digunakan sepenuhnya. Sebarang baki yang tidak digunakan selepas tarikh luput akan terbatal.*

1. Sejumlah 10 pemenang akan dipilih bagi memenangi hadiah di dalam peraduan ini.
2. Hadiah Utama* mempunyai terma dan syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - a. Kad tersebut sah selama 2 tahun daripada tarikh hadiah diterima (contoh seperti: bermula 1 Disember 2026 hingga 30 November 2028). Tempoh sah laku tidak akan dilanjutkan atas sebab kelewatan pengambilan, kelewatan penghantaran, atau apa jua sebab sekalipun.
 - b. Kad sah untuk digunakan untuk pembelian di mana-mana stesen BHPetrol sahaja.
 - c. Sebarang permintaan untuk melanjutkan tempoh sah kad minyak tidak akan dilayan.
 - d. Penebusan hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
 - e. Jika nilai pembelian melebihi jumlah yang diberi, nilai penambahan haruslah dibayar oleh pemenang.
 - f. Jika nilai pembelian kurang daripada jumlah yang diberikan, tiada bayaran balik bagi lebihan jumlah yang tidak digunakan.
 - g. Kad Minyak ini didatangkan dengan nilai sekali pemberian sebanyak RM10,000 dan sah untuk digunakan dalam tempoh dua (2) tahun.
 - h. Kad Minyak boleh digunakan untuk pembelian produk di BHPetrol seperti petrol, diesel, dan/atau barangan kedai di BHPetromart.
 - i. Kad akan dikeluarkan dengan had perbelanjaan tertentu bagi setiap transaksi, had harian dan had bulanan yang ditetapkan oleh Penganjur. Had ini ditetapkan bagi menggalakkan penggunaan secara berperingkat sepanjang tempoh sah laku kad. Tiada sebarang perubahan boleh dibuat terhadap had-had tersebut.
 - j. Kad Minyak akan dikeluarkan bersama nombor PIN yang diperlukan untuk mengesahkan transaksi di terminal pembayaran dalaman dan luaran. Nombor PIN tersebut tidak boleh diubah, dan para pemenang bertanggungjawab memastikan Kad Minyak serta nombor PIN disimpan dengan selamat pada setiap masa.
 - k. Pembayaran menggunakan Kad Minyak ini tidak boleh digunakan di bawah Program BUDI MADANI. Sebarang pembelian bahan api menggunakan kad ini akan dikenakan berdasarkan harga pasaran semasa dan tidak boleh digunakan bersama MyKad.

- l. Hadiah hanya terdiri daripada satu (1) Kad Minyak bagi setiap pemenang dan tidak disertakan dengan sebarang akses kepada portal dalam talian. Tiada penyata akaun akan disediakan. Para pemenang boleh memantau perbelanjaan kad melalui resit transaksi yang diterima selepas setiap pembelian.
 - m. Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat penggunaan akan dimaklumkan melalui surat yang diberikan kepada para pemenang.
3. Hadiah Kad Minyak diberikan secara eksklusif kepada pemenang. Penganjur tidak akan melayan sebarang permohonan untuk pemindahan hak milik Kad Minyak sama ada sebelum atau selepas kad tersebut dikeluarkan. Sekiranya pemenang ingin memindahkan hak milik Kad Minyak selepas ia dikeluarkan, pemenang boleh berbuat demikian atas tanggungjawab sendiri dan tertakluk kepada keperluan program Kad Minyak. Penganjur tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk memproses, memudahkan atau menanggung apa-apa kos atau pertikaian yang berkaitan dengan permohonan tersebut.
4. Sekiranya pemenang membenarkan mana-mana pihak lain menggunakan Kad Minyak tersebut, pemenang hendaklah kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Kad Minyak berkenaan dan memastikan pihak tersebut mematuhi semua terma dan syarat yang berkuat kuasa berkaitan penggunaannya.
5. Penganjur hanya akan menyediakan perkhidmatan pelanggan dan bantuan berkaitan akaun kepada pemilik Kad Minyak yang berdaftar. Sebarang pertanyaan, permohonan atau arahan daripada mana-mana pihak lain yang diterima melalui apa jua saluran komunikasi boleh ditolak.
6. Semua imej hadiah yang ditunjukkan dalam iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja.
7. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak penganjur. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah serta keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan yang munasabah oleh pihak penganjur dan sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal.
8. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada hadiah semasa proses penebusan.
9. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh/menukar tempat bagi menuntut hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan hadiah pada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku keadaan yang di luar jangkaan.
10. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggunggan terhadap sebarang kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Sebarang kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan lain atau caj yang

dikenakan berkaitan dengan penebusan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.

11. Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan. Penganjur akan memaklumkan kepada pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
12. Semua keputusan yang dibuat oleh penganjur berhubung dengan peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada peserta tidak akan dilayan.
13. Pihak penganjur akan menghubungi peserta yang terpilih / peserta senarai pendek melalui maklumat yang terdapat di dalam rekod keahlian BHPetrol eCard. Oleh itu, Peserta mestilah memastikan bahawa maklumat adalah tepat dan terkini. BHPetrol tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta telah disenarai pendek tetapi tidak dapat dihubungi akibat maklumat yang tidak tepat, sudah lapuk, atau tidak dapat diakses.
14. Peserta dikehendaki menyediakan dokumen pengenalan diri yang sah (kad pengenalan Malaysia) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk proses pengesahan pemenang. Jika tidak membawa dokumen pengenalan diri peserta akan dianggap tidak sah dan akan dibatalkan kelayakannya.
15. Semua pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah di lokasi dan waktu yang ditentukan serta diumumkan oleh penganjur untuk menuntut dan mengambil hadiah mereka. Pemenang hendaklah menanggung semua perbelanjaan yang berkaitan dengan pengangkutan bagi pengambilan hadiah mereka serta bertanggungjawab atas keselamatan dan kesejahteraan mereka sepanjang perjalanan ke lokasi majlis tersebut. selepas dihubungi oleh pihak penganjur (melalui panggilan telefon atau lain-lain bentuk komunikasi). Pemenang perlulah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima hadiah mereka.
16. Sekiranya pemenang gagal untuk menuntut Hadiah dalam masa yang diperuntukkan, pihak penganjur berhak untuk membatalkan hadiah tersebut.
17. Jika pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil pemenang hendaklah mengemukakan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri pemenang yang sah dan juga dokumen pengenalan diri pihak wakil.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai peraduan ini, peserta memberikan kebenaran kepada penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar peserta/pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran dan publisiti dan di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada pemenang/peserta. Pemenang/

peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap bahan tersebut.

2. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicara mutlakanya. Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, penganjur, agensinya, sekutu, dan penaja serta wakil mereka tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecacatan atau penyalahgunaan hadiah, atau terhadap sebarang tuntutan, liabiliti, kerugian, atau kerosakan yang berkaitan dengan Peraduan ini.
3. Jika atas apa-apa sebab peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, pihak penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung peraduan ini.
4. Pihak penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta dan / atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan proses penghantaran peraduan, operasi peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat peraduan ini.
5. Pihak penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya.
6. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang atau sebaliknya, juga akan mengikat semua peserta dan penyertaan mereka dalam peraduan ini.
7. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
8. Dengan menyertai peraduan ini, peserta memberi kebenaran kepada pihak penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh penganjur untuk memproses data peribadi peserta yang diberikan untuk tujuan peraduan.
9. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta yang berkaitan dengan peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang/peserta. Pihak penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta berkaitan dengan peraduan ini.

10. Pihak penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan penganjur untuk tujuan peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan peraduan ini, walaupun penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
3. Dengan menyertai peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh pihak penganjur.
4. Penganjur ingin memberi peringatan kepada peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan peserta kami untuk menghubungi penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

1. Dengan mengambil bahagian dalam peraduan ini, peserta bersetuju dan memberi kebenaran untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada pihak penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto peserta di laman sesawang penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Dengan mengambil bahagian dalam peraduan ini, peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada pihak penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan). Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.

3. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:

- (a) Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
- 4. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh penganjur ; dan
- 5. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
- 6. Sebarang isu perlindungan data bersama penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi peserta, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur atau menghubungi talian pelanggan penganjur di **(03 – 7890 5111)** dari Isnin – Jumaat, 9pg – 5ptg. Nombor rasmi yang akan menghubungi pemenang juga adalah seperti yang tertera di **(03-78905111)**.
- 7. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
- 8. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

Perlindungan Jenama BHPetrol

- 1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk tidak melakukan sebarang tindakan yang boleh merosakkan reputasi dan imej BHPetrol. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penyebaran maklumat yang salah, fitnah, atau sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap Penganjur.
- 2. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang didapati melanggar terma ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada tingkah laku yang tidak sopan, menyalahi undang-undang, atau memfitnah Penganjur.

[TAMAT]

PERADUAN ISI DAN MENANG, REZEKI PENUH TANGKI

Terms & Conditions

Organizer & Eligibility

1. The **"Isi dan Menang, REZEKI PENUH TANGKI" Contest ("Contest")** is organized by Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd ("BHPetrol") (**Company No.: 196401000488**) (**"Organizer"**).
2. This Contest is open to individuals who meet the following criterias:
 - (a) The Contest is open to BHPetrol customers
 - (b) Malaysian citizens or permanent residents with valid identification documents throughout the contest period.
 - (c) Aged 18 years and above.
3. **The following individuals are not eligible to win prizes:**
 - Employees of the Organizer (including its affiliates, subsidiaries, or related companies) and their immediate family members (children, parents, siblings, including spouses), as well as BHPetrol station staff.

Contest Period & Eligibility Criteria

1. The contest will begin at **12:00 midnight on 1 August 2026 and end on 30 September 2026 at 11:59 PM (Malaysia Time) ("Contest Period")**. Any entries received after the Contest Period will be rejected and deemed invalid.
2. A minimum purchase of RM20.00 and above at any BHPetrol station, in a single receipt/transaction or a combination of receipts/transactions within the specified Promotion Period, will qualify for one (1) entry (**"Proof of Purchase"**).
3. Participants are permitted to combine purchase receipts to meet the minimum spending requirement.
4. Contest participants, who are BHPetrol customers, only need to scan the QR code in the advertisement using their mobile phone or visit the official BHPetrol website and enter the required details to confirm their participation in the Contest.
5. The contest is open to participants making personal purchases on fuel and/or shop items using any payment method available at the station (excluding payments made using company-owned X-Fleet Cards / Cash Cards).
6. The organizer reserves the right to amend and/or extend the Contest Period or cancel the contest without prior notice.

How to Participate

1. To participate in the contest, **customers must spend minimum RM20.00 on Petrol or Diesel or shop items in a single transaction or a combination of receipts/transactions**, excluding purchases involving tobacco, TnG, ePay, utility bill payments, and car wash services.
2. The following are the methods to enter the contest:
 - a. *Payment at Cashier Counter* – Inside the BHPetrol shop / BHPetromart:
Customers are required to make a payment at any BHPetrol station and scan the QR code provided on the advertising display at the counter to fill in the required details and upload their purchase receipt to confirm their participation in the Contest.
 - b. *Outdoor Payment Terminal (OPT)* – At the pump:
Customers may make payment and complete the refueling process. After that, customers can scan the QR code provided on the advertising display inside the store, or visit the official BHPetrol website and enter the required details, as well as upload their purchase receipt, to confirm their participation in the Contest.
3. Participants have agreed to the information relating to the Privacy Notice and marketing communications as provided on the official BHPetrol website.

Winner Selection Process

1. **Winner Selection:** At the end of the contest period, eligible participants will be shortlisted through an automated computerized selection system based on the number of valid entries received throughout the Contest Period.
2. A participant is eligible to win only ONE (1) prize for this contest.
3. After the Contest Period ends, if a selected winner cannot be contacted after three (3) attempts over three (3) consecutive working days (Monday to Friday), the organizer reserves the right to disqualify the winner and select the next eligible participant as a replacement at its sole discretion.

Prizes & Redemption

GRAND PRIZE RM10,000 Petrol Card for 2 years* x 10 Winners
--

**The Fuel Card will be preloaded with a one-time value of RM10,000 (Ringgit Malaysia: Ten Thousand) and valid be used for transactions from the period commenced, or until the full value has been utilized, whichever is earlier. No additional value will be credited to the Fuel Card once the stored value has been fully utilized. Any unused balance remaining after the expiry date shall be forfeited.*

1. A total of 10 winners will be selected to receive prizes in this contest.
2. The Grand Prize* is subject to the following terms and conditions:
 - a. The Fuel Card is valid for two (2) years from the date the prize is received (for example, from 1 December 2026 to 30 November 2028). No extension of the validity period will be granted due to late collection, delayed delivery, or any other reason.
 - b. The Fuel Card is valid for purchases at any BHPetrol station only.
 - c. Any request to extend the validity period of the fuel card will not be entertained.
 - d. The prize redemption cannot be exchanged for cash.
 - e. If the purchase value exceeds the amount provided, the winner must pay the difference.
 - f. If the purchase value is less than the amount provided, no refund will be given for any unused balance.
 - g. The Fuel Card carries a one-off value of RM10,000, valid to be used within two (2) years.
 - h. The Fuel Card may be used to purchase products at BHPetrol, including petrol, diesel, and/or items available at BHPetromart stores.
 - i. The card will be issued with a specific spending limits for each single transaction, daily and monthly determined by the Organizer. This is to encourage dispersed usage across the validity period. No changes can be made to these limits.
 - j. The Fuel Card will be issued with a PIN number to authorize sale completion at indoor and outdoor payment terminals. The PIN number cannot be changed and winners are responsible for ensuring the safekeeping of the Fuel Card and the PIN number at all times.
 - k. Payment using this Fuel Card cannot be used for BUDI MADANI. Any fuel payment using this card will be charged based on prevailing market price and cannot be used with your MyKad.
 - l. The prize only consists of one fuel card for each winner with no access for online portal whatsoever. No statement of account will be provided, and winners may continue to keep track of the card spending through the final receipt obtained after each sale completion.
 - m. Further details regarding the terms of use will be communicated in the letter provided to the winners.
3. The Fuel Card prize is awarded solely to the winner. The Organizer will not entertain any request for the transfer of ownership of the Fuel Card before or after its issuance. Should the winner wish to transfer ownership of the Fuel Card after it has been issued, the winner may do so at their own responsibility and in accordance with the Fuel Card programme requirements. The Organizer shall have no obligation to process, facilitate, or bear any costs or disputes associated with such requests.
4. Where the winner permits any other person to use the Fuel Card, the winner shall remain fully responsible for the Fuel Card and shall ensure that such person complies with the applicable terms and conditions governing its use.
5. The Organizer shall provide customer service and account-related assistance only to the registered Fuel Card owner. Any enquiries, requests, or instructions from any other person received through any communication channels may be declined.

6. All prize images shown in advertisements, promotions, publicity, and other materials related to this contest are for illustration purposes only.
7. Prizes are subject to the terms and conditions set by the organizer. To the extent permitted by law, the organizer and its agents shall not be held responsible for any liability, loss, or damage arising from any delay, cancellation, postponement, or modification of the prize details due to unforeseen circumstances beyond the reasonable control of the organizer, as well as any actions or omissions by any supplier.
8. The organizer is not responsible for any loss or damage to the prize during the redemption process.
9. The organizer reserves the right to postpone the redemption date/change the redemption venue to another date and location should there be unforeseen circumstances.
10. The organizer will not be responsible for any transportation costs related to prize redemption and/or delivery. Any additional costs, duties, taxes, and/or other expenses or charges incurred in relation to prize redemption shall be borne entirely by the winners.
11. The prizes presentation is subject to availability. The organizer will notify the selected winners from time to time.
12. All decisions made by the organizer regarding the contest, including but not limited to the winner list and prizes, are final, conclusive, and binding. No correspondence, inquiries, appeals, or objections from participants will be entertained.
13. The organizer will contact the selected/shortlisted participants via the contact information provided as per BHPetrol eCard membership record. Thus, Participants must ensure that their contact details are accurate and up to date. BHPetrol will not be held responsible if a participant is shortlisted but is unreachable due to incorrect, outdated, or inaccessible contact information.
14. Participants are required to provide a valid identification document (Malaysian Identity Card) during or before the prize redemption for the winner verification process. Failure to present valid identification will result in disqualification and the participant will be deemed ineligible.
15. All winners are required to attend the prize presentation ceremony at the venue and time determined and announced by the organizer to claim and collect their prizes. Winners shall bear all expenses related to the transportation for prize collection and are responsible for their safety and well-being throughout their journey to the ceremony location after being contacted by the organizer (via phone call or other forms of communication). Winners must present a valid identification document to redeem/receive their prizes.
16. If the winner fails to claim the prize within the stipulated period, the organizer reserves the right to forfeit the prize.
17. If a winner requires a representative to claim the prize on their behalf, the representative must present an authorization letter issued by the winner along with a copy of the winner's valid identification document and the representative's identification document.

Organizer's Rights

1. By participating in this contest, participants grant the organizer permission to use, publish, or display their names and photographs (if any) for advertising, marketing, and publicity purposes in any publication, distribution, or display channel, without prior notice or compensation. Winners/participants have no rights to claim ownership or other compensation regarding these materials.
2. Prizes are non-exchangeable for cash. The organizer reserves the right to replace any prize with another of equal value at its sole discretion. To the extent permitted by law, the organizer, its agencies, affiliates, sponsors, and representatives shall not be responsible for any defects or misuse of the prizes, or for any claims, liabilities, losses, or damages related to this contest.
3. If for any reason this contest cannot proceed as planned due to (but not limited to) computer viruses, hacking, unauthorized intervention, fraud, technical failures, government actions including movement control orders, or any cause beyond control, the organizer reserves the right, at its sole discretion, to cancel, terminate, modify, or suspend the contest.
4. The organizer reserves the right, at its sole discretion, to disqualify any participant and/or entry suspected of cheating/hacking/abusing the contest submission process, interfering with the contest operation, or violating any of these Terms and Conditions.
5. The organizer reserves the right to amend any of these contest Terms and Conditions at any time at its sole discretion.
6. In addition to these Terms and Conditions, the contest instructions and mechanics as stated on the website or elsewhere shall also be binding on all participants and their entries.
7. In the event of any discrepancy between these Terms and Conditions and any terms stated in promotional materials for this contest, these Terms and Conditions shall prevail. If there is any discrepancy between the Malay and English versions, the English version shall apply.
8. By participating in this contest, participants authorize the organizer or any third party appointed by the organizer to process their personal data provided for contest purposes.
9. Unless stated otherwise, all transportation costs, internet charges, personal expenses, and/or any costs, fees, and/or expenses incurred by participants in relation to this contest (whether for participation, submission, or prize acceptance) shall be fully borne by the winners/participants. The organizer, its affiliates, appointed agents, or representatives shall not be responsible for any costs/charges/fees/expenses incurred by participants in relation to this contest.
10. The organizer, its affiliates, and/or any appointed third party shall not be responsible for lost, damaged, late entries due to or caused by any technical error.

Liability and Responsibilities

1. Participants and winners shall assume full responsibility for any liability, unforeseen incidents, injuries, damages, claims, or accidents (including death) resulting from their participation in this contest and/or redemption and/or use of the prizes. They agree to release the organizer and its agencies from any claims for injuries, accidents, loss of life, economic losses, and others.
2. To the extent permitted by law, under no circumstances shall the organizer or its officers, employees, representatives, and/or agents (including any third-party service providers engaged for the contest) be liable for any loss or damage (including loss of income, profits, goodwill, indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive, or special damages) arising from the contest, whether in contract, tort, negligence, or otherwise, even if the organizer was advised of the possibility of such damages.
3. By participating in this contest, participants agree to abide by the organizer's decisions and the Terms and Conditions of the contest, as well as all decisions made by the organizer.
4. The organizer reminds participants to take necessary precautions when receiving any phone calls or messages requesting personal information during or after the contest. Participants are advised to contact the organizer for verification regarding the contest.

Data Protection

1. By participating in this contest, participants agree and authorize the organizer to collect, store, use, and process their names, masked identification card numbers, and other personal details ("Personal Data") for contest execution, including but not limited to announcements and publication of Personal Data and/or participant photos on the organizer's website for advertising and publicity purposes.
2. By participating in this contest, participants also consent and authorize the organizer to share or collect their Personal Data with third parties (if necessary). All third parties are contractually required not to use the participants' Personal Data except as stated herein.
3. Under Malaysian law, participants' rights include:
 - (a) The right to withdraw consent for Personal Data usage at any time by contacting the organizer at the contact details provided below, with their name and email address to request data removal.
4. The right to obtain a copy of their Personal Data held by the organizer.
5. The right to correct inaccurate Personal Data.
6. For any data protection matters related to this contest, participants may refer to the organizer's website or contact the organizer's customer service at **(03 – 7890 5111)**, Monday – Friday, 9 AM – 5 PM. The official contact number that will be contacting the winners will also be as per mentioned at **(03 – 7890 5111)**.
7. The organizer shall take reasonable precautions to securely store participants' Personal Data and requires third-party processors to do the same. However, the

organizer may disclose participants' Personal Data if required by law, search warrant, subpoena, or court order.

8. Any Personal Data matters related to this contest will be governed and managed in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 and other relevant laws in Malaysia.

BHPetrol Brand Protection

1. By participating in this contest, participants agree not to take any actions that could damage BHPetrol's reputation and image. This includes but is not limited to spreading false information, defamation, or any form of abuse against the organizer.
2. The organizer reserves the right to disqualify any participant found violating this term, including but not limited to inappropriate behavior, illegal activities, or defamation of the organizer.

[END]